

Lee puji cara Malaysia rangsang ekonomi

BH - 5 SEP 2009

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew memuji kaedah Malaysia merangsang pertumbuhan ekonomi dalam negara yang disifatkan sebagai langkah terbaik bagi menghadapi kesan kelambapan ekonomi di rantau ini.

Dalam pertemuan sejam dengan 10 ahli Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) di hotel penginapannya di sini hari ini, Lee juga memberi jaminan Singapura akan meningkatkan kerjasama dengan Malaysia bagi mengukuhkan lagi ekono-

mi Asean.

Sehubungan itu, Presiden BBC, Datuk Jamaluddin Jarjis yang ditemui pemberita selepas pertemuan itu berkata, BBC menyambut baik jaminan Lee selaras dasar 'memperkayakan jiran' yang dipelopori Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jamaluddin yang juga Ahli Parlimen Rompin berkata, Lee dan ahli BBC turut bertukar pendapat mengenai senario politik rantau Asia Tenggara terutama mengenai kemasu-

kan kumpulan militan di Malaysia.

"BBC turut meminta Lee meningkatkan hubungan pada peringkat generasi kedua bagi mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara," katanya.

Ditanya sama ada isu pakej hubungan dua hala dibangkitkan dalam pertemuan itu, Jamaluddin berkata, isu seperti bekalan air, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu dan caruman pekerja dari Semenanjung, membabitkan perbincangan pemimpin tertinggi kerajaan.

"Perbincangan kita hanya lebih tertumpu kepada hubungan antara Ahli Parlimen Malaysia dengan Singapura.

"Ini termasuk, cadangan untuk mengadakan pertukaran lawatan antara ahli parlimen dan pemimpin generasi muda lain termasuk pada peringkat institusi pengajian tinggi dan sekolah.

"Ada cadangan untuk mengadakan pertukaran lawatan ini dan cadangan berkenaan akan kami serahkan kepada kerajaan." katanya.